

17/06/1998

Umno Kelantan anggap MB angkuh

KOTA BHARU, Selasa - Umno Kelantan menyifatkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai seorang yang angkuh apabila tidak boleh memaafkan orang yang mengkritik gaya kepemimpinannya.

Pendirian itu juga jelas tidak selari dengan kehendak Islam sedangkan kedudukannya dikatakan sebagai 'tok guru' dalam hierarki kepemimpinan Pas Kelantan.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibudin Mohd Noor, berkata Nik Abdul Aziz seharusnya mempunyai sikap berlapang dada dan sedia menerima teguran serta kritikan secara terbuka.

Menurutnya, sebagai pemimpin sebuah parti yang mendakwa berjuang berlandaskan dasar Islam, beliau seharusnya sedar dan sedia berdepan dengan sebarang teguran khususnya dalam konteks kancah politik.

"Dalam Islam sikap bermaafan amat diutamakan tetapi sikap yang ditunjukkan pemimpin Pas Kelantan itu bertentangan dengan tuntutan agama.

"Kerajaan Pas Kelantan termasuk pemimpinnya perlu sedia menerima kritikan sama ada daripada Umno atau rakyat dengan terbuka, bukannya menaruh dendam," katanya.

Ahmad Shahibuddin diminta mengulas kenyataan Nik Abdul Aziz yang tidak akan memaafkan beberapa pemimpin politik di negeri ini, yang sebelum ini menjadi penyokong kuat Pas tetapi kini menjadi penentang termasuk mendesaknya meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar.

Konvensyen Umno Kelantan baru-baru ini membuat resolusi mendesak Nik Abdul Aziz meletakkan jawatan kerana didakwa gagal mentadbir negeri ini, sehingga menimbulkan pelbagai masalah terhadap rakyat.

Ahmad Shahibuddin berkata, sikap pemimpin Pas Kelantan itu amat jauh berbeza dengan pendekatan yang diamalkan pemimpin Umno, yang sedia bermaafan antara satu sama lain.

Menurutnya, sebagai contoh bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah pernah menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga berlaku perpecahan dalam Umno, tetapi akhirnya mereka bersatu dan bermaafan antara satu sama lain.

"Inilah sikap dan corak kepimpinan Umno yang tidak mempunyai sifat berdendam, sebaliknya sedia menerima kritikan secara terbuka oleh mana-mana pihak termasuk Pas sendiri.

"Jadi, di manakah pegangan pemimpin-pemimpin Pas yang mendakwa memperjuangkan dasar Islam dan menjadikan Islam sebagai ad-din dan pada masa enggan memaafkan golongan yang mengkritik mereka," katanya.

Ditanya mengenai wakil Badan Perhubungan Umno Kelantan yang akan membahas usul pada mesyuarat Agung Umno bermula esok, Ahmad Shahibuddin berkata, Badan Perhubungan memutuskan beliau sendiri dan Ketua Umno Bahagian Kubang Kerian, Tuan Hashim Tuan Yaacob untuk berucap.

Katanya, beliau akan membahas usul ucapan dasar Presiden manakala Tuan Hashim sebagai pembahas usul ekonomi.

(END)